

PEMUDA PBB BERSIAP SEDIA HADAPI PILIHANRAYA

KUCHING, Selasa — Pergerakan Pemuda Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) bersiap sedia menghadapi pilihanraya negeri yang diramal diadakan bulan depan.

Ketua Pergerakan, Datuk Celesting Ujang, berkata hari ini, para anggota Exco telah dilantik sebagai pegawai perhubungan bagi mengawasi dan menyelaraskan persiapan dan kempen di setiap kawasan.

Datuk Ujang, yang juga Speaker Undangan Negeri, mempengerusikan mesyuarat Exco Pergerakan hari ini bagi membereskan segala persiapan.

Bercakap kepada para pemberita kemudiannya, beliau berkata, Pemuda PBB menyokong penuh dan berpuas hati dengan pemilihan calon oleh Presiden Parti, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud.

Dalam satu kenyataan malam tadi, Pemuda PBB menyeru Snap, rakan PBB dan SUPP dalam Barisan Nasional Sarawak, bertolak ansur dalam soal pembahagian kerusi.

PBB dan SUPP telah mengamalkan sikap demikian dengan memberi jalan kepada parti yang kemungkinannya menang dalam sesuatu kawasan adalah lebih besar, menurut kenyataan itu yang ditandatangani oleh Naib Pengerusi Per-

gerakan, Encik John Nyigor.

"Perpaduan mengatasi segala pertimbangan lain dan matlamat kita ialah menang," kata kenyataan itu.

Pemuda PBB juga membidas Snap kerana kenyataannya baru-baru ini yang menuduh bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn, terlibat atau menjadi saksi kepada satu 'perjanjian tidak bermoral' antara Snap dan SUPP.

Perjanjian yang dimaksudkan itu ialah yang ditandatangani dalam 1979 (apabila Tun Hussein menjadi Pengerusi Barisan Nasional) yang menyatakan sekiranya calon Snap kalah di kawasan Padungan, kawasan itu kemudiannya akan diperuntukkan kepada Supp.

Calon Snap kalah, dan berdasarkan perjanjian ini, SUPP telah menamakan Pengerusi Pemuda cawangan Kuching, Encik Song Swee Guan, bertanding di kawasan itu dalam pilihanraya akan datang.

Bagaimanapun, Presiden Snap, Datuk James Wong, mendakwa beliau tidak diajak berunding atau diberitahu mengenai perjanjian itu.

Kenyataan Pemuda PBB pula mendakwa Datuk Wong adalah salah seorang dari tiga orang wakil Snap yang menghadiri rundingan perjanjian itu. — Bernama.